



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Security***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.kpkm.gov.my](http://www.kpkm.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **STOK BERAS MELEBIHI HAD LESEN BERNILAI RM131,568 DISITA**

**PUTRAJAYA, 24 JANUARI 2024** – Sepasukan Penguat Kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan pemeriksaan rutin ke atas premis-premis borong dan runcit yang menjual beras di sekitar Selayang, Kuala Lumpur pada 23 Januari 2024 (Selasa).

Hasil pemeriksaan ini, pihak KPB mendapati sebuah premis perniagaan telah menyimpan stok beras melebihi daripada had muatan yang dinyatakan di dalam lesen. Oleh itu, pihak KPB telah mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dengan menyita stok beras di premis tersebut berserta dokumen-dokumen yang berkaitan. Sebanyak 41 metrik tan beras pelbagai gred disita dengan hasil sitaan dianggarkan bernilai RM131,568.

Kes ini disiasat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 P.U (A) 624. Hasil semakan juga mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh pihak syarikat tersebut adalah kesalahan kali kedua dan boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM50,000 bagi kesalahan kali kedua sekiranya didapati bersalah.

KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras 1996. Tindakan tegas akan diambil sekiranya pemegang lesen gagal mematuhi.

Dalam perkara ini, orang awam disarankan supaya menyalurkan aduan atau maklumat secara rasmi kepada Kementerian jika terdapat sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan padi dan beras melalui saluran berikut:

Kawalselia Padi dan Beras (KPB),  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

- i. Portal Aduan KPB : <https://skpb.kpk.gov.my/adu>
- ii. E-mel Rasmi : [aduankpb@kpk.gov.my](mailto:aduankpb@kpk.gov.my)
- iii. Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya: 03-8870 1751/1748/1183

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**24 JANUARI 2024**